

05 AUG 2003

AGONG DAN PM HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA JAMAICA

KUALA LUMPUR, 5 (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid hari ini mengirim perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral Jamaica Sir Howard Felix Hanlan Cooke sempena Hari Kebangsaan ke-41 negar aitu esok.

"Semoga Tuan Yang Terutama sehat sejahtera, keamanan dan kemakmuran Jamaica yang berterusan," kata Seri Paduka dalam perutusan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan tahniah dan maju jaya kepada rakan sejawatannya Percival James Patterson dan rakyat Jamaica.

"Saya gembira kerana hubungan antara kedua-dua negara semakin berkembang. Saya yakin ikatan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga mengirim perutusan tahniah kepada Menteri Luar dan Perdagangan Asing, Keith Desmond St. Aubyn Knight.

"Saya akan bekerja rapat dengan tuan bagi meningkatkan hubungan pada tahun-tahun akan datang untuk manfaat kedua-dua negara," katanya

-- BERNAMA

NKB SZM AHH LAT